Jihad: terorisme yang dihalalkan atas nama agama?

Laporan oleh:

Hakim bin Luqman
Anuar Mat Hussin
Asyraf bin Suid
Farid Othman

14 Februari 2010

Mukadimah

Jihad merupakan satu konsep teras dalam Islam yang amat penting, namun sering disalahfahami baik oleh dunia barat mahupun dalam kalangan umat Islam sendiri. Dewasa ini jihad sering dikaitkan dengan keganasan dan terorisme, lebih-lebih lagi sejak kejadian-kejadian malang seperti pengeboman, pembunuhan, ugutan dan serangan yang dikatakan berpunca daripada gerakan jihad.

Malangnya jihad dianggap sinonim dengan terorisme dan menjadi satu istilah yang amat menggerunkan bagi sesiapa yang tidak memahami konsep jihad yang sebenar. Pandangan umum tentang jihad menjadi sempit dan kalimah jihad diringkaskan maksudnya kepada perang suci atau *"holy war"* walhal hakikatnya konsep jihad sangat luas dan peperangan atau yang disebut dalam bahasa Arab sebagai *qital* hanya merupakan sebahagian sahaja daripada kesuluruhan takrif jihad.

Tulisan ini bertujuan untuk menyelusuri pengertian dan konsep jihad dalam tradisi Islam serta mengupas beberapa isu dan persoalan yang timbul berkaitan jihad dewasa ini. Kewajipan jihad tidak seharusnya dilihat sebagai suatu perkara yang negatif, dan seorang muslim yang memahami pengertian jihad yang sebenarnya nescaya akan dapat melihat hikmah-hikmah disyariatkan jihad dalam Islam. Dalam laporan ini, kita akan membincangkan hakikat sebenar konsep jihad, dan akan dibuktikan bahawa jihad jelasnya bukan terorisme sebaliknya merupakan ibadah yang dituntut oleh Islam dan diwajibkan keatas semua umatnya.

Konsep Jihad dalam Islam

Pengertian Jihad

Jihad dari segi bahasa

Jihad merupakan perkataan Arab yang berasal daripada perkataan yang terdiri daripada tiga huruf iaitu *jim*, *ha*, dan *dal* (د - ه - ج)[1] iaitu al-jahd (الجهد) yang bermakna kesukaran, dan al-juhd yang bermakna kekuatan dan usaha.

Justeru, perkataan al-jihad (الجهاد) dari segi bahasa boleh didefinisikan sebagai *mengerahkan dan mencurahkan segala kekuatan, tenaga dan kemampuan serta berusaha bersungguh-sungguh* untuk mencapai satu-satu tujuan yang diingini atau mempertahankan sesuatu yang tidak diingini dengan berbagai cara, baik menggunakan peralatan, harta, kata-kata, akal dan ilmu pengetahuan, ataupun perbuatan.

Jihad dari segi istilah

Menerusi definisi yang diberikan di atas, dapat disimpulkan bahawa jihad merupakan satu istilah yang merangkumi pelbagai aspek. Menurut Ibn Rushd dalam kitabnya *Muqaddimat*, jihad boleh dimanifestasikan melalui empat cara iaitu:

- Jihad dengan hati – *Jihad bil qalb/nafs (جهاد بالقلب)*
- Jihad dengan lidah/kata-kata – *Jihad bil lisan (جهاد باللسان)*
- Jihad dengan tangan – *Jihad bil yad* (جهاد باليد)
- Jihad dengan pedang/peperangan – *Jihad bis saif (جهاد بالسيف) / qital fi sabilillah(قتل في سبيل الله)*

Aspek-aspek Jihad

Jihad dengan hati (جهاد النفس)[2]

Jihad an-nafs bererti memelihara diri daripada dorongan hawa nafsu dan menghalang diri daripada melakukan maksiat.

Menurut Ibnu al-Qayyim Al-Jauziyyah, *jihad an-nafs* ada empat peringkat:

1. Menundukkan hawa nafsu dan berusaha untuk mempelajari serta mendalami Islam.
2. Berusaha untuk beramal dengan ilmu yang dipelajari.
3. Berusaha menyebarkan ajaran Islam.
4. Bersabar menghadapi tentangan semasa menyebarkan dakwah

Selanjutnya, Ibn al-Qayyim juga menggariskan jihad asy-syaitan iaitu jihad menentang godaan dan hasutan Syaitan.

---

[1] Antara perkataan lain yang berasaskan kepada kata dasar yang sama ialah *ijtihad* (إجتهاد) dan *mujahadah* (مجاهده). Walau bagaimanapun, masing-masing biasanya digunakan dalam konteks yang berbeza. Perkataan *mujahadah* biasa digunakan dalam konteks melawan, misalnya melawan nafsu, melawan syaitan dan melawan orang kafir. Perkataan *ijtihad* pula lebih biasa digunakan dalam konteks akademik dan keilmuan. Ia bererti melakukan penyelidikan ilmiah secara mendalam.

[2] Hadis riwayat al Baihaqi di dalam 'Az Zuhd" dari hadis Jabir:
Nabi bersabda: Kami telah kembali dari jihad yang kecil menuju jihad yang besar.
Ditanya: Apakah jihad yang besar?
Baginda menjawab: Jihad menentang hawa nafsu.

قَالَ: رَجَعْنَا مِنَ ٱلْجِهَادِ ٱلأَصْغَرِ إِلىَ ٱلْجِهَادِ ٱلأَكْبَرِ
قَالُوْا: وَمَا ٱلْجِهَادُ ٱلأَكْبَرُ؟
قَالَ: جِهَادُ النَّفْسِ

Jihad secara lisan (جهاد باللسان)

Jihad bil lisan bererti berjihad dengan kata-kata dan pada asasnya membawa maksud menyampaikan Islam dengan hujah kepada orang-orang kafir, munafiq dan fasiq.

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Furqan: Ayat 52

فَلَا تُطِعِ ٱلْكَٰفِرِينَ وَجَٰهِدْهُم بِهِۦ جِهَادًا كَبِيرًا (٥٢)

Maksudnya: *Oleh itu, janganlah menurut kehendak orang-orang kafir, dan berjuanglah (dengan hujah-hujah Al-Quran) menghadapi mereka dengan perjuangan (jihad) yang besar dan bersungguh-sungguh.*

Selain itu, menyeru ke arah kebaikan dan mencegah keburukan atau *amar bil ma'ruf wa nahi anil munkar* juga merupakan jihad secara lisan.

Usaha menegur pemerintah yang zalim juga dikira sebagai jihad secara lisan. Sabda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam riwayat Abu Daud yang bermaksud:

Sebaik-baik jihad adalah kata-kata yang adil (benar) di hadapan pemerintah yang zalim (menyeleweng dari kebenaran).

Jihad dengan tangan (جهاد باليد)

Jihad bil yad bererti berjihad melalui tindakan dan amalan. Maksudnya memilih jalan yang lurus dan melakukan perintah Allah serta menjauhi larangannya. Ia juga bermaksud bertindak menentang golongan fasiq dan munafik.